

16/04/1997

Terengganu bentuk badan khas teliti projek

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan Terengganu membentuk jawatankuasa khas mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi meneliti kesesuaian beberapa perkara mengenai teknologi maklumat (IT) yang perlu dilaksanakan di peringkat negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata jawatankuasa itu akan mengambil beberapa langkah awal selaras dengan matlamat Kerajaan Pusat, termasuk melaksanakan program kerajaan elektronik.

"Kita tidak perlu tunggu selesai semua projek MSC, mana yang difikirkan sesuai, kerajaan negeri akan melaksanakan dahulu program berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang video Dialog MSC bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Wakil Terengganu, Ahmad Ikram Abdullah, pegawai penyelidik di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengemukakan satu soalan bagi pihak kerajaan negeri kepada Dr Mahathir.

Wan Mokhtar berkata, jawatankuasa itu juga mengemukakan cadangan untuk memperlengkapkan kemudahan, terutama komputer di setiap pejabat kerajaan, terutama Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta secara berperingkat ke setiap daerah.

"Kita perlukan kajian mendalam termasuk menentukan kos yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu program sesuai," katanya.

(END)